

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.06.2014

Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada petrol dan diesel akan dikenakan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Senarai lengkap barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2014 yang lalu. Pada masa yang sama Kerajaan juga telah

memaklumkan jenis barang dan perkhidmatan tersebut melalui program penerangan dan publisiti yang dijalankan secara menyeluruh di seluruh negara. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan senarai ini dapat disebar luas melalui pelbagai media sebagai rujukan kepada orang ramai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada barang-barang yang telah diumumkan dalam Bajet 2014, Kerajaan sedang meneliti cadangan pelbagai pihak supaya beberapa barangan tertentu seperti buku teks dimasukkan ke dalam senarai barang yang sifar GST. Bagi petrol dan diesel, GST akan dikenakan.